



MINGGU KETIGABELAS

TAHARAH DAN SOLAT

13

Bahagian Bimbingan
Lembaga Tabung Haji

TALBIAH

Lafaz & Makna

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ

همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، يالله، همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ

همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، تيدق اد سكوतो باكيمو، همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

إِنَّ الْحَمْدَ

سسفكوهن سكل فوجين.

وَالنَّعْمَةَ

دان نعمت.

لَكَ وَالْمُلْكَ

دان فمرنتاهن اداله كفويأتمو.

لَا شَرِيكَ لَكَ

تيدق اد سكوतो باكيمو.

MAKKAH

منظر عام لمكة المكرمة والمسجد
الحرام



WUDUK

PENGERTIAN WUDUK

WUDUK BERMAKSUD MEMBASUH ANGGOTA TERTENTU DENGAN AIR DAN DILAKSANAKAN MENGIKUT CARA TERTENTU DENGAN NIAT BERWUDUK.

(SURAH AL MAIDAH : 6)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Wahai orang-orang Yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) yaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali;

RUKUN WUDUK

- 1. NIAT (KETIKA MULA MEMBASUH MUKA)**
- 2. MEMBASUH MUKA MENGIKUT HADNYA**
- 3. MEMBASUH DUA(2) TANGAN HINGGA KE SIKU**
- 4. MENYAPU KEPALA DENGAN AIR, SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) HELAI RAMBUT PADA HAD KEPALA**
- 5. MEMBASUH DUA (2) KAKI HINGGA KE DUA BUKU LALI**
- 6. TERTIB**



KAEDAH BERWUDUK

LOKASI

- DALAM MASJIDIL HARAM/NABAWI**
- DALAM PERJALANAN/KENDERAAN**
- DI ARAFAH – MUZDALIFAH - MINA**

KAEDAH BERWUDUK

GUNA PENYEMBUR AIR/BOTOL AIR (DENGAN SYARAT AIR MENGALIR (SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) TITIS)

WUDUK

AMALAN SUNAT WUDUK

1. BERSUGI
2. MENGADAP KIBLAT
3. MEMBACA BASMALAH
4. MENCUCI DUA (2) TAPAK TANGAN HINGGA KE PERGELANGAN TANGAN
5. BERKUMUR-KUMUR.
6. MENYEDUT AIR KE DALAM HIDUNG.
7. MENYAPU AIR KE SELURUH KEPALA.
8. MENYAPU AIR KE SELURUH TELINGA LUAR DAN DALAM.
9. MENYELATI JANGGUT YANG TEBAL.
10. MENYELATI JARI TANGAN DAN KAKI.
11. MENDAHULUI ANGGOTA KANAN DARI ANGGOTA KIRI.
12. MEMBASUH DAN MENYAPU SEBANYAKTIGA (3) KALI.
13. *MUWALAT* (BERTURUTAN).
14. MEMBACA DOA SELEPAS BERWUDUK.

PERKARA BATAL WUDUK

- 1. KELUAR SESUATU SAMA ADA BENDA KERAS, CECAIR, ATAU ANGIN DAN SEBAGAINYA DARIPADA DUA JALAN QUBUL ATAU DUBUR.**
- 2. HILANG INGATAN DENGAN SEBAB GILA, PENGSAN, MABUK, PITAM ATAU TIDUR YANG TIDAK TETAP KEDUDUKAN PUNGGUNGNYA.**
- 3. BERSENTUH KULIT ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN YANG BUKAN MAHRAMNYA DENGAN TIDAK BERLAPIK.**
- 4. MENYENTUH KEMALUAN (QUBUL DAN DUBUR) DENGAN TAPAK TANGAN ATAU PERUT ANAK JARI. SAMA ADA KEMALUAN SENDIRI ATAU ORANG LAIN.**
- 5. MURTAD (KELUAR DARI ISLAM)**

WUDUK SEMASA DI TANAH SUCI

HUKUM ASAL : BERSENTUHAN LELAKI DENGAN PEREMPUAN YANG HALAL NIKAH TANPA LAPIK BATAL WUDUK

NAMUN ADA RUKHSAH : KERINGANAN YANG ALLAH BERIKAN KEPADA UMAT ISLAM DLM MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH DI SAAT-SAAT DARURAH, MASYAQQAH ATAU HAAJAH

AZIMAH : SUATU KEMESTIAN MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH DALAM APA JUA KEADAAN SEKALIPUN. CONTOH : WAJIB BERWUDUK SEMASA TAWAF DAN SOLAT

OLEH ITU BOLEH BERALIH DARI PENDAPAT SYAFI'IE MASYHUR KEPADA PENDAPAT SYAFI'IE YANG *MARJUH* IAITU TIDAK BATAL WUDUK JIKA BERLAKU PERSENTUHAN LELAKI DAN PEREMPUAN TANPA SYAHWAT DALAM MASYAQQAH DAN HARAJ SEPERTI KESESAKKAN DI TEMPAT TAWAF

PENDAPAT INI DIGUNA PAKAI KETIKA :

**1- BERMULA DARI KELUAR BANGUNAN PENGINAPAN
SETERUSNYA HINGGA KETIKA DI DALAM MASJIDIL
HARAM ATAU MASJID NABAWI**

**2- KETIKA BERADA DALAM KEADAAN MASYAQQAH
SEPERTI MENAIKI PESAWAT ATAU BAS SEPANJANG
TEMPOH MENGERJAKAN HAJI/UMRAH SAHAJA**

**SAH DIGUNA PAKAI UNTUK TAWAF DAN SEBAGAINYA
SELAGI WUDUK TIDAK TERBATAL MENGIKUT MAZHAB
SYAFI'IE.**

**CONTOHNYA, SEPERTI KELUAR ANGIN DARIPADA
QUBUL ATAU DUBUR**

TAYAMMUM



TAYAMMUM

ERTI TAYAMMUM

TAYAMMUM IALAH MENYAPU DEBU TANAH YANG BERSIH KE MUKA DAN KEDUA-DUA TANGAN SAMPAI KE SIKU, MENGGUNAKAN DEBU YANG SUCI DENGAN BEBERAPA SYARAT SEBAGAI GANTI KEPADA WUDUK ATAU MANDI WAJIB

KEUZURAN YANG MENGIZINKAN TAYAMMUM

- 1. KETIADAAN AIR.**
- 2. ADA AIR TETAPI TIDAK DAPAT DIGUNAKAN KERANA SUKAR MENGAMBILNYA ATAU UNTUK KEGUNAAN MAKAN DAN MINUM ATAU HARGANYA MAHAL.**
- 3. SAKIT YANG MUDARAT JIKA DIGUNAKAN AIR.**

SYARAT – SYARAT TAYAMMUM

- 1. SUDAH MASUK WAKTU SOLAT FARDU**
- 2. TIDAK MENDAPAT AIR SETELAH BERUSAHA MENCARI**
- 3. DENGAN DEBU YANG SUCI**
- 4. TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN AIR DISEBABKAN SAKIT**
- 5. SUCI DARI NAJIS**

RUKUN DAN CARA TAYAMMUM

RUKUN TAYAMMUM

1. Niat, dengan lafaz “sahaja aku bertayammum untuk membolehkanku mengerjakan solat kerana Allah Ta’ala”.
2. Mengusap muka dan dua telapak tangan sampai ke siku sekali dengan debu tanah yang suci.
3. Meratakan debu keseluruh anggota tayammum, iaitu muka dan kedua-dua tangan.
4. Tertib melakukannya.

CARA TAYAMMUM

1. Letakkan dua belah tangan di atas debu dan nipiskannya.
2. Sapu ke muka dengan debu tersebut.
3. Sapu kedua-dua belah tangan sampai ke siku dengan debu
4. Tertib

Makluman :

- Anggota tayammum adalah muka dan dua tangan (hingga ke siku) sahaja.
- Kaki tidak termasuk sebagai anggota tayammum

PERHATIAN

1. Cara bertayammum untuk hadas kecil dan hadas besar adalah sama.
2. Satu tayammum hanya untuk satu perkara wajib dan beberapa sunat.
3. Solat dengan tayammum kerana ketiadaan air tidak perlu diulangi setelah diperolehi air walaupun waktu solat itu masih ada.

WUDUK

SOHIBUL JABIRAH



WUDUK SOHIBUL JABIRAH

- 1. MAKSUDNYA : MENYAPU AIR DI ATAS BALUTAN ATAU SIMEN ATAU SEUMPAMANYA, BAGI ANGGOTA WUDUK KETIKA WUDUK.**
- 2. QIAS KEPADA HUKUM MENYAPU ATAS *KHUF* (SARUNG KAKI YANG DIGUNAKAN OLEH SESETENGAH TEMPAT YANG MEMPUNYAI MUSIM SEJUK) DAN SERBAN.**
- 3. HAL YANG SAMA BERLAKU PADA TEMPAT PATAH YANG DI SIMENKAN, BALUTAN KEPALA ATAU TEMPAT DARAH KELUAR, BALUTAN KUDIS, BALUTAN LUKA AKIBAT PEMBEDAHAN DAN SEBAGAINYA. (FIQH ISLAMI 1/346).**

HUKUM *SOHIBUL JABIRAH*

- 1. PERLU MEMBASUH ANGGOTA WUDUKNYA YANG SIHAT DAN MENYAPU PADA *JABIRAHNYA*.**
- 2. DIGALAKKAN UNTUK *I'ADAH* (ULANG) SOLAT YANG DILAKUKANNYA DENGAN WUDUK *SOHIBUL JABIRAH*.**

CATATAN:

*** MUZAKARAH HAJI KE-20 (MELAKA)**

PANDANGAN MAZHAB - KES BATAL WUDUK

PANDANGAN MAZHAB SYAFIE (PANDANGAN *MARJUH*) DALAM KES BATAL WUDUK: PENDAPAT PILIHAN BERDASARKAN MASLAHAT JEMAAH HAJI

TIDAK BATAL WUDUK JIKA BERLAKU PERSENTUHAN (KULIT) ANTARA LELAKI DAN WANITA KETIKA TAWAF DAN DALAM KEADAAN MASYAQQAH (KEPAYAHAN/KESUSAHAN) DENGAN SYARAT TANPA SYAHWAT.

*** KEPUTUSAN: MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-21 PADA 5-7 JUN 2005 BERTEMPAT DI SHAH ALAM.**



SOLAT

MAKSUD SOLAT

SATU IBADAT YANG MENGHUBUNGKAN HAMBA DENGAN TUHANNYA, MENGANDUNGI BEBERAPA PERKATAAN DAN PERBUATAN YANG DIMULAI DENGAN TAKBIR DAN DISUDAHI DENGAN SALAM

Sabda Nabi S.A.W

“ Amalan yang pertama yang dihisab (Allah) atas seseorang hamba pada hari kiamat nanti ialah solat. Jika solat seseorang baik, baiklah pula seluruh amalannya dan begitu sebaliknya”.

(HR At-Tabrani)

KESEMPURNAAN DAN PERKARA UTAMA DALAM SOLAT

- SYARAT-SYARAT SAH SOLAT
- RUKUN-RUKUN SOLAT
- SUNAT *AB'AD* DAN SUNAT *HAI'AT*
- PERKARA MAKRUH DALAM SOLAT
- PERKARA MEMBATALKAN SOLAT
- WAKTU-WAKTU YANG HARAM SOLAT SUNAT YANG TIADA BERSEBAB

SYARAT – SYARAT SAH SOLAT

- 1. ISLAM**
- 2. BERAKAL**
- 3. SUCI DARIPADA HADAS KECIL DAN BESAR**
- 4. SUCI DARIPADA NAJIS PADA BADAN, PAKAIAN DAN TEMPAT**
- 5. YAKIN MASUK WAKTU**
- 6. MENGADAP kiblat**
- 7. MENUTUP AURAT**
- 8. MENGETAHUI FARDU DAN SUNAT**
- 9. TIDAK MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT**

RUKUN SOLAT 13 PERKARA

- 1. NIAT.**
- 2. TAKBIRATULIHRAM.**
- 3. BERDIRI BAGI YANG MAMPU.**
- 4. MEMBACA SURAH AL-FATIHAH.**
- 5. RUKU' DENGAN *TAMA'NINAH* (*TAMA'NINAH* IALAH TENANG DAN TERTIB, TIDAK TERBURU-BURU).**
- 6. 'IKTIDAL DENGAN *TAMA'NINAH*.**
- 7. SUJUD DUA (2) KALI, DENGAN *TAMA'NINAH*.**
- 8. DUDUK ANTARA DUA SUJUD, DENGAN *TAMA'NINAH***
- 9. MEMBACA *TASYAHHUD* AKHIR.**
- 10. DUDUK *TASYAHHUD* AKHIR.**
- 11. SELAWAT ATAS NABI S.A.W DALAM *TASYAHHUD* AKHIR**
- 12. MEMBACA SALAM.**
- 13. TERTIB.**

SUNAT AB'AD DAN SUNAT HAIAT

SUNAT AB'AD

Sunat *ab'ad* ialah amalan–amalan sunat yang dikuatkan dalam solat, jika tertinggal maka disunatkan menggantinya dengan **sujud *sahwi***. Amalan sunat *ab'ad* ialah : -

1. membaca *tahiyyat* awal
2. Membaca selawat semasa *tahiyyat* awal
3. Membaca selawat untuk keluarga Nabi Muhammad S.A.W ketika membaca *tahiyyat* akhir
4. Membaca doa *Qunut* pada Solat Subuh dan Solat *Witir* pada malam 16 hingga akhir bulan Ramadhan.

SUNAT HAIAT

1. Mengangkat kedua-dua belah tangan sehingga ibu jari bersetentangan dengan dua telinga ketika takbiratul ihram, hendak ruku', *iktidal* dan ketika bangun berdiri sesudah membaca *tahiyyat* awal.
2. Meletakkan kedua-dua belah tangan di bawah dada ketika berdiri.
3. Membaca doa *Iftitah*.
4. Membaca *Ta'awuz* sebelum membaca Al-Fatihah
5. Membaca "Amin" sesudah membaca Al-Fatihah
6. Membaca surah atau ayat-ayat al-quran pada rakaat pertama dan kedua selepas Al-Fatihah.
7. Menguatkan bacaan pada rakaat pertama dan kedua pada solat Maghrib, Isyak dan Subuh, kecuali makmum.
8. Membaca takbir pada tiap-tiap kali beralih dari satu rukun kepada satu rukun *fi'li* yang lain.

SUNAT HAIAT

9. Memuji Allah S.W.T ketika bangkit daripada ruku' dan ketika berdiri.
10. Meletakkan kedua-dua tapak tangan pada kedua-dua lutut ketika ruku'.
11. Membaca *tasbih* ketika ruku' dan sujud.
12. Meletakkan tangan kanan di atas peha kanan dan tangan kiri di atas peha kiri ketika membaca *tahiyyat*. Jari kiri diluruskan dan jari tangan kanan di genggam kecuali jari telunjuk. Jari telunjuk digerakkan sedikit ke atas ketika membaca "*illallah*".
13. Duduk *iftirasy* pada sekalian duduk dalam solat iaitu menduduki tapak kaki kiri dan kanan ditegakkan, anak-anak jarinya menghadap kiblat kecuali duduk *tahiyyat* akhir.
14. Duduk *tawarru'* iaitu duduk bersimpuh pada *tahiyyat* akhir kaki kiri dibaringkan di bawah kaki kanan, punggung didudukkan ke lantai dan kaki kanan ditegakkan, anak jarinya menghadap kiblat.
15. Memberi salam yang kedua.
16. Memalingkan muka ke kanan semasa memberi salam yang pertama dan ke kiri semasa memberi salam yang kedua.

PERKARA MAKRUH DALAM SOLAT

1. Mengerjakan sembahyang ketika makanan yang diinginkan sedang terhidang.
2. Membaca dengan nyaring (*jahar*) bacaan yang perlahan.
3. Berdiri atas sebelah kaki atau merapatkan kedua-duanya.
4. Menoleh ke kanan atau ke kiri (kecuali ada sebab tertentu).
5. Menahan diri daripada buang air besar dan kecil.
6. Mendongak atau menundukkan kepala dengan berlebihan di dalam ruku'.
7. Merapat kedua-dua siku kepada kedua-dua rusuk, dan merapatkan perut kedua-dua peha dalam sujud (lelaki).
8. Meninggalkan bacaan surah dalam rakaat pertama dan kedua.
9. Meninggalkan ucapan *tasbih intiqalat*, iaitu takbir berpindah dari satu rukun kepada rukun yang lain seperti takbir ketika hendak ruku', bangun daripada *tasyahud* awal untuk berdiri ketika hendak sujud dan bangkit dari sujud.

PERKARA MEMBATALKAN SOLAT

1. Berkata–kata dengan sengaja.
2. Bergerak tiga (3) kali berturut–turut.
3. Kedatangan hadas kecil atau besar.
4. Terkena najis.
5. Terbuka aurat.
6. Berubah niat.
7. Berpaling badan (dada) dari arah kiblat.
8. Makan/minum walau sedikit.
9. Ketawa dengan mengeluarkan suara.
10. Menangis hingga mendengar suara.
11. Memanjangkan rukun yang pendek.
12. Murtad.
13. Mendahului imam/terkemudian daripada imamnya melebihi tiga (3) pergerakan.

WAKTU HARAM SOLAT SUNAT YANG TIADA BERSEBAB

1. Waktu terbit matahari sehingga naik sekadar segalah.
2. Waktu matahari di tengah langit sehingga gelincir matahari.
3. Waktu matahari hendak tenggelam.
4. Sesudah solat Asar sehingga Maghrib.
5. Sesudah solat Subuh sehingga syuruk.

Tetapi seandainya solat yang didahului oleh sebab mempunyai tidaklah dilarang. Seperti :

1. Solat qada
2. Solat jenazah
3. Solat *tahiyatul* masjid
4. Solat sunat wuduk dan sebagainya



SOLAT JENAZAH

SOLAT JENAZAH

- Hukum: fardu kifayah.
- Wanita juga boleh menunaikan solat jenazah berjemaah bersama-sama dengan lelaki.
- Biasa ditunaikan selepas selesai solat fardu.

RUKUN SOLAT JENAZAH

1. Niat mendirikan solat jenazah.
2. Berdiri bagi yang berkuasa.
3. Empat kali takbir.
4. Membaca Al-Fatihah.
5. Membaca selawat ke atas Nabi s.A.W (selepas takbir kedua).
6. Doa' ke atas mayat (selepas takbir ketiga).
7. Salam.

RUKUN SOLAT JENAZAH

LAFAZ NIAT SOLAT JENAZAH :

أصلي على هذا الميت (هذه الميتة) أربع تكبيرات فرض كفاية لله تعالى

SAHAJA AKU SEMBAHYANG ATAS MAYAT INI, 4 TAKBIR FARDU KIFAYAH, KERANA ALLAH TAALA.

- 1. MEMBACA AL-FATIHAH SELEPAS TAKBIR YANG PERTAMA**
- 2. BERSELAHAT SELEPAS TAKBIR KE-2, SEKURANG-KURANGNYA:**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

**3. BERDOA BAGI MAYAT SELEPAS TAKBIR KE-3
SEKURANG-KURANGNYA:**

(JIKA MAYAT LELAKI)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

(JIKA MAYAT PEREMPUAN)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

(JIKA MAYAT RAMAI)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ

4. MEMBERI SALAM SELEPAS TAKBIR KE-4:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

SOLAT JUMAAT (WANITA)

SABDA RASULULLAH S.A.W

“SOLAT JUMAAT ITU HAK WAJIB DIKERJAKAN OLEH TIAP-TIAP ORANG ISLAM DENGAN BERJEMAAH, KECUALI EMPAT (4) JENIS MANUSIA: HAMBA SAHAYA YANG DIMILIKI, PEREMPUAN, ANAK-ANAK DAN ORANG YANG SAKIT. “

(ABU DAUD & HAKIM)

Kesimpulan

1. Wanita tidak wajib solat Jumaat.
2. Jika mereka solat juga, hendaklah duduk di kawasan yang ditetapkan.
3. Selesai solat Jumaat, wanita tidak perlu solat zohor.
4. Lebih afdhal solat zohor di kediaman sendiri.

SOLAT MENGHORMATI WAKTU

Adalah solat fardu yang didirikan oleh orang yang tidak ada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air (*faqid tohurayn*). Contohnya seperti di dalam kapal terbang, dalam bas dan sebagainya.

Wajib mengulangi solatnya apabila dia sudah memperolehi kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau tiada berhalangan menggunakan air jika waktu solat masih ada.

Qada' (ganti) jika waktu solat telah luput.

Rujuk – Fiqh 'ala Mazahib al 'Arba'ah 1/167 - Bayan Lil Haj Siri 2 - 1430H

Rujuk – Kltab al Majmu' Syarh al- Muhazzab, Dar Ihya' al Turath, juz 2 hlm. 322-323

PERHATIAN

SOLAT HORMAT WAKTU BAGI
FAQID TOHURAYN KETIKA
MUSAFIR BOLEH DIJAMAKKAN
SECARA jamak TAKHIR SAHAJA
DAN QASAR

MASBUQ DAN MUAFIQ

MUWAFIQ

Muwafiq ialah makmum yang dapat membaca surah Al-Fatihah ketika berdiri imam dengan bacaan yang sederhana (pertengahan) di sini maka wajiblah atas makmum tersebut menyempurnakan bacaan surah Al-Fatihahnya.

MASBUQ

Masbuq ialah makmum yang tidak dapat membaca Al-Fatihah ketika semasa imam berdiri. Maka tidak wajib atasnya sempurna membaca surah Al-Fatihahnya, hanya baca sekadar yang dapat dan dikehendaki ruku' bersama-sama dengan imam.

KAIFIAT SOLAT DALAM KEADAAN SAKIT

Lazimnya waris atau sesiapa jua boleh menolong orang sakit atau uzur untuk mengambil wuduk, setelah itu tentukan pesakit atau orang yang uzur itu mengadap kiblat mengikut keadaan dan daya kemampuannya seperti berikut:

1. Duduk *iftirasy* (seperti duduk antara sujud).
2. Berbaring mengiring mengadap kiblat.
3. Berbaring terlentang (kaki dan kepala mengadap kiblat).
4. Isyarat kepala dan mata.
5. Memadai dikerjakan solat dalam hati.

ADAB DALAM MASJID

1. Niat *i'tikaf* bila masuk masjid.
2. Solat sunat *tahiyatul* masjid.
3. Perbanyakkan solat sunat.
4. Membaca al-quran.
5. Berzikir.
6. Bersedekah.
7. Menjauhi perbuatan haram, makruh dan *lagha* (sia – sia).
6. Jika hendak berdoa – hendaklah mengadap kiblat.
7. Sentiasa dalam keadaan berwuduk.

SOLAT QASAR

MENGERJAKAN DUA (2) RAKAAT SAHAJA BAGI SOLAT zohor, ASAR DAN ISYAK. **TIDAK BAGI SOLAT MAGHRIB DAN SUBUH**

SYARAT-SYARAT SOLAT QASAR

1. Hendaklah perjalanan itu diharuskan oleh syarak.
2. Jauh perjalanan tidak kurang daripada dua (2) marhalah (91 kilometer).
3. Berniat *qasar* dan *takbiratul ihram*.
4. Tidak berimam dengan orang yang solat *tamam* (sempurna).
5. Hendaklah solat *qasar* itu terdiri daripada solat yang empat (4) rakaat sahaja.

SOLAT JAMAK

Menghimpunkan solat zohor dengan Asar, Maghrib dengan Isyak.

Jamak taqdim

Mengerjakan sembahyang Zohor dan Asar dalam waktu Zohor atau Maghrib dan Isyak dalam waktu Maghrib.

Jamak ta'khir

Mengerjakan sembahyang Zohor dan Asar dalam waktu Asar atau Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak.

SYARAT JAMAK TAQDIM

1. Mendahulukan sembahyang Zohor daripada Asar dan Maghrib daripada Isyak.
2. Berniat jamak dalam sembahyang pertama sebelum salam (afdhalnya dalam *takbiratul ihram*)
3. Berturut-turut di antara sembahyang yang dijamakkan itu.
4. Berkekalan perjalanan hingga *takbiratul ihram* sembahyang yang kedua.
5. Berkeyakinan adanya waktu sembahyang yang pertama berkekalan sehingga didirikan sembahyang yang kedua.

SYARAT JAMAK TA'KHIR

1. Hendaklah berniat jamak dalam waktu yang pertama,
2. Berkekalan perjalanan hingga memberi salam sembahyang yang kedua.

Perhatian

1. Jamak *ta'khir* harus dikerjakan dengan menunaikan solat Asar diikuti dengan Zohor atau Isyak diikuti dengan Maghrib. Sunat dahulukan solat Zohor diikuti dengan Asar, begitu juga solat Maghrib dengan Isyak kecuali waktunya sempit tidak mencukupi dua solat fardu maka wajiblah didahulukan solat yang empunya waktu (*sahibul wakt*)
2. Solat jamak dikerjakan dengan dua azan dan dua iqamah.
3. Jika solat itu dikerjakan dengan berjemaah maka makmum hendaklah berniat menjadi makmun dan imam berniat menjadi imam.

BEBERAPA PERINGATAN BERKAITAN SOLAT

1. MENINGGALKAN SOLAT

Hal ini adalah suatu kekufuran berdasarkan al-quran, sunah dan ijmak ulama'.

Allah berfirman yang bermaksud.

“Apakah yang membuat kalian masuk ke dalam neraka saqar?. “Mereka menjawab (Kerana) kami dulu tidak termasuk orang yang mendirikan solat”.

(Al-Muddathir :42,43)

Sabda Rasulullah S.A.W

“Perjanjian antara kami dengan mereka adalah solat, barang siapa meninggalkannya maka dia kafir”.

(HR Ahmad dan lainnya)

BEBERAPA PERINGATAN BERKAITAN SOLAT

2. MELENGAH-LENGAHKAN SOLAT

Allah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya solat itu wajib atas orang beriman dalam waktu yang sudah ditentukan”.

(An-Nisa’ – 103)

Oleh itu, melengah-lengahkan solat tanpa uzur yang dibolehkan syarak adalah berdosa besar.

Sabda Rasulullah S.A.W

“ Itu adalah solat orang munafik. Dia duduk menunggu matahari, sampai jika matahari sudah berada antara dua tanduk syaitan (hendak tenggelam) dia berdiri dan mendirikan empat (4) rakaat, sedangkan dia tidak mengingati Allah dalamnya kecuali sedikit.

(HR Muslim)

BEBERAPA PERINGATAN BERKAITAN SOLAT

3. TIDAK BERJEMAAH DI MASJID HARAM/NABAWI

Sabda Rasulullah S.A.W

“Siapa yang mendengar seruan azan tetapi tidak memenuhinya maka tidak ada solat baginya, kecuali kerana uzur”.

(HR Ibnu Majah)

4. TIDAK *TAMA'NINAH* DALAM SOLAT

Tama'ninah adalah rukun solat dan tidak sah solat tanpanya. *Tama'ninah* ertinya tenang ketika sedang ruku', *iktidal*, sujud dan duduk antara dua sujud.

Tenang maksudnya sampai tulang kembali pada posisi dan persendiannya. Tidak tergesa-gesa dalam penggantian dari rukun ke rukun lainnya.

SOLAT JAMAK DI ARAFAH DAN MINA

1. Harus jamak solat fardu di Arafah dan Mina
 2. Solat jamak secara *tamam* (tidak qasar)
 3. Sebab harus jamak :
 - kerana *nusuk* (ibadah)
 - kerana *masyaqqah* *
- Mesyuarat JK Ibadat Haji 1427/2006 – rujuk kitab al – Majmu' syarah al muhazzab, Imam Aby Zakariya Mahyuddin bin Syaraf al Nawawy ; m/s 384 jilid 4 Dar Fikr

PERHATIAN

- Sebaik sahaja tiba di Madinah- jemaah haji tidak dibenarkan menunaikan solat secara *jamak/ qasar* – ini kerana mereka telah terputus dari status musafir.
- Jemaah telah mengetahui mereka akan berada di Madinah selama 8 hari.
- Sebelum bertolak ke Makkah, jemaah tidak dibenarkan menunaikan solat *jamak/qasar* di hotel di Madinah ini kerana mereka belum lagi memulakan musafir.

PERHATIAN

- Solat secara *jamak/qasar*– hanya boleh dilakukan setelah bas bergerak dan berhenti di masjid atau surau perhentian lebuhraya dalam perjalanan ke Makkah.
- Begitu juga bagi kes jemaah yang akan bergerak ke Arafah tidak dibenarkan menunaikan solat *jamak/qasar* semasa di bangunan penginapan Makkah, ini kerana jarak tidak mencukupi sebagai syarat *qasar/jamak*.

WASSALAM

Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah S.W.T kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran

**HAJI YANG MABRUR
DAN UMRAH YANG
MAQBUL**

